

# Graduan UTHM diingatkan bayar PTPTN

BATU PAHAT 12 Okt. - Para graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diingatkan agar menjelaskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mereka biarpun bermula dalam jumlah yang kecil.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Noh Dalimin berkata, ia amat penting kerana memberi kesan kepada masa depan graduan sekiranya langsung tidak memulakan sebarang bayaran terhadap pinjaman itu.

Menurutnya, pihak universiti khawatir graduan yang ditawarkan pekerjaan di luar negara kelak tidak kesempaian untuk berhijrah memandangkan tidak dibenarkan meninggalkan negara akibat hutang PTPTN.

"Saya tidak mahu misalnya hari ini saya mengumumkan seramai 900 pelajar UTHM ditawarkan bekerja di luar negara, selang beberapa hari kemudian media melaporkan terdapat graduan yang 'sangkut' kerana tidak menjelaskan hutang PTPTN mereka.

"Kami sebagai Naib Canselor sebenarnya terguris hati apabila dimaklumkan seramai 170,000 graduan masih belum memulakan sebarang bayaran dan harap-harap dalam jumlah itu tak terselit graduan UTHM yang rata-ratanya sudah berjaya dan memiliki pekerjaan baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa merasmikan sidang keempat Majlis Konvokesyen Ke-14 UTHM di Dewan Sultan Ibrahim di sini hari ini.

Dalam sidang tersebut, 455 graduan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta 408 graduan daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan menerima ijazah sarjana muda masing-masing.

Majlis Konvokesyen UTHM yang bermula semalam selama tiga hari menyaksikan 3,381 pelajar universiti itu dianugerahkan ijazah dalam pelbagai bidang.

Sementara itu, Noh berkata, graduan juga diminta merancang kewangan mereka sebaik-baiknya selepas bekerja nanti sebelum memikirkan untuk menambah hutang.